

Penyampai : DATO SERI DR. SITI HASMAH BT HJ MOHD ALI  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN MINGGU WANITA SELANGOR 2002 DAN HARI KELUARGA  
KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR  
Lokasi : DATARAN KEMERDEKAAN SHAH ALAM  
Tarikh : 26-10-2002

Syukur alhamdulillah, segala pujian bagi Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama di Majlis Perasmian Minggu Wanita Selangor 2002 dan Hari Keluarga Kebangsaan Peringkat Negeri Selangor.

2. Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana menjemput saya untuk merasmikan majlis ini. Saya juga merasa bangga kerana pada tarikh 26 Oktober 2002 semua wanita Selangor tidak kira berlainan agama dan bangsa telah turun dan berkumpul untuk sama-sama mengingati dan mengimbas semula peranan dan pencapaian wanita setakat ini dan lebih penting untuk merenung ke hadapan dan memikirkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan ke tahap yang lebih cemerlang. Wanita masa kini seharusnya berasa kagum dengan pencapaian hari ini kerana berjaya membuktikan "Wanita Malaysia Boleh".

3. Wanita Malaysia telah berjaya menceburi dan mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang termasuk bidang perundangan, keusahawanan, kejuruteraan, kedoktoran, teknologi komputer dan sebagainya. Syabas dan tahniah juga diucapkan di atas semangat perpaduan wanita-wanita Selangor. Saya harap semangat positif sedemikian terus dikekalkan.

4. Kerajaan Persekutuan mahupun Kerajaan Negeri Selangor sememangnya peka terhadap sumbangan dan kebajikan golongan wanita. Sebagai contoh penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga merupakan satu bukti komitmen Kerajaan untuk memajukan lagi kaum wanita. Sejak sembilan belas bulan yang lalu, Kementerian ini telah membuat pelbagai perubahan untuk wanita. Perubahan ini bermula dengan pindaan perkara 8 (2) Perlembagaan Malaysia dan diikuti oleh pindaan Akta Pencen di mana balu berpencen boleh berkahwin semula tanpa kehilangan pencen yang diperolehi akibat kematian suami. Kerajaan juga sentiasa menyokong dan menggalakkan usaha dan program yang bertujuan menghapuskan kekangan terhadap kemajuan wanita dan bersedia untuk mendengar pendapat dan cadangan wanita sendiri tentang cara-cara untuk menghapuskan halangan- halangan yang dihadapi.

5. Begitu juga saya dimaklumkan Kerajaan Negeri Selangor juga telah memperuntukkan sejumlah RM11.6 juta dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi tempoh 2001 hingga tahun 2005. Ini jelas menunjukkan peranan wanita Selangor adalah sama penting dengan peranan lelaki bagi sama-sama membantu serta berganding bahu ke arah mencapai wawasan bersama. Selain itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor dalam usaha-usaha melaksanakan pelbagai program untuk kaum wanita Selangor seperti program- program untuk ibu tunggal, projek kasih kekeluargaan, anugerah cemerlang wanita, pameran keusahawanan, ceramah, pembinaan rumah perantaraan wanita untuk membantu mengatasi masalah wanita di samping memartabatkan hak-hak wanita ini mengikut landasan syariat agama.

6. Tema Minggu Wanita Selangor 2002 adalah selaras dengan tema sambutan Hari Wanita Peringkat Kebangsaan iaitu "Nur: Memupuk Generasi Berilmu". Ini adalah tema yang tepat dan relevan kerana negara kita berada dalam arus pembangunan menghadapi cabaran-cabaran besar seperti budaya I.T, globalisasi, k-Ekonomi dan e- Ekonomi yang menekankan kepada ilmu sebagai nadi utama agar dapat bersaing dengan negara-negara maju serta tidak dipinggirkan.

7. Oleh itu, pembinaan generasi yang berilmu, progresif dan bermoral tinggi adalah satu agenda yang patut diberi keutamaan kerana golongan ini yang bertanggungjawab menyambung perjuangan untuk terus membangunkan negara mengikut acuan kita sendiri.

8. Justeru, pendekatan bersepadu sangat penting dalam melaksanakan strategi-strategi pembentukan generasi berilmu di antara pihak Kerajaan, sekolah, ibubapa mahupun semua rakyat Malaysia. Penggembengan tenaga dan komitmen yang jitu adalah tonggak ke arah merealisasikan

pembudayaan ilmu. Walau bagaimanapun, tanggungjawab ini sudah pastinya berat bagi wanita kerana merekalah pendidik yang akan membentuk generasi masa depan. Tambahan pula, fungsi dan peranan ibu itu semakin mencabar dan kompleks.

9. Oleh itu, wanita alaf baru harus berjiwa kental dan gigih melaksanakan amanah-amanah tersebut serta menimba ilmu baik ilmu agama, keibubapaan, psikologi, ICT ataupun ilmu keusahawanan dan sebagainya. Ilmu- ilmu sebegini harus dipelajari dan dikuasai sebagai perisai diri menangani segala dugaan dan cabaran yang semakin mendesak terutama untuk membahagikan masa depan isteri, ibu, majikan atau pekerja.

10. Sehubungan dengan itu, saya menyeru agar usaha- usaha yang dapat membantu pekerja mencapai keseimbangan berkesan di antara keluarga dan kerjaya mula dirancang dan dilaksanakan. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, didapati produktiviti pekerja adalah berhubung kait rapat dengan kesejahteraan kehidupan berkeluarga. Pekerja-pekerja yang berjaya mengimbangkan keperluan kerjaya dengan keluarganya lebih bermotivasi untuk menjalankan tugas-tugas dengan baik kerana hasil daripada inspirasi dan kasih sayang keluarga. Oleh itu dengan melaksanakan program atau mengamalkan dasar yang mesra keluarga, majikan bukan sahaja dapat mengekalkan kesetiaan pekerja yang berpotensi terhadap organisasi malahan berjaya mencapai objektif dan memperolehi keuntungan di samping memenuhi tanggungjawab sosial terhadap pekerja.

11. Justeru, saya berbangga program yang diadakan pada hari ini telah diadakan serentak dengan Hari Keluarga Kebangsaan Peringkat Negeri. Ini bijak kerana wanita dan keluarga memang tidak boleh dipisahkan. Tema sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2002 iaitu "Utamakan Keluarga: Semakin Hari Semakin Sayang" amat sesuai diketengahkan kepada masyarakat supaya dapat meningkatkan kesedaran dan keprihatinan semua ahli keluarga tentang pentingnya kasih sayang dan suasana mesra dalam sesebuah keluarga.

12. Sehubungan dengan itu, ibubapa harus memainkan peranan masing-masing dalam mendidik anak-anak supaya mempunyai jiwa yang murni dan berakhlak mulia di samping memupuk suasana keharmonian dalam keluarga mereka.

13. Saya juga ingin menyeru kepada generasi muda supaya menunaikan tanggungjawab sebagai anak, pelajar dan tunggak negara dengan baik. Mereka mesti menanamkan diri untuk mencintai ilmu sebagai jati diri dan bekalan sebagai pemimpin generasi akan datang.

14. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah berjaya menganjurkan majlis yang sungguh meriah dan bermakna ini. Saya yakin dengan komitmen dan semangat perpaduan yang wujud di kalangan wanita Selangor, ianya bukan sahaja akan mendatangkan kejayaan kepada wanita-wanita ini tetapi lebih penting ianya akan membantu menjana pertumbuhan ekonomi negeri.

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Minggu Wanita Selangor 2002 dan Hari Keluarga Kebangsaan Peringkat Negeri Selangor.

Wabilahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.